

MSM Catat Peningkatan Hasil Sebanyak 8.2%



MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) menunjukkan peningkatan hasil sebanyak 8.2% kepada RM1.18 bilion pada separuh tahun 2016 walaupun beroperasi dalam persekitaran yang mencabar - disebabkan aliran harga global gula mentah yang kian meningkat dan kadar pertukaran nilai mata wang Ringgit Malaysia (RM) yang tidak menguntungkan berbanding USD.

Perbandingan suku kedua, MSM mencatatkan peningkatan hasil sebanyak 7.7% dari RM588.32 juta kepada RM633.86 juta dari tahun sebelumnya disertakan dengan peningkatan volum jualan sebanyak 4%. Keputusan ini dibantu oleh jualan yang lebih tinggi bagi segmen Domestik & Eksport, sebanyak 19% dan 22% masing-masing.

Disebabkan peningkatan mendadak harga komoditi serta tinjauan pasaran Forex yang mencabar, MSM mencatatkan margin keuntungan kasar sebanyak RM85.92 juta berbanding suku sebelumnya dari RM103.59 juta.

Dengan separuh awal 2016 dipengaruhi oleh cabaran luar yang tidak mampu dikawal, kos pengeluaran yang meningkat, ditambah pula dengan 59% peningkatan

harga gas asli berbanding suku kedua tahun sebelumnya. Bagi suku kedua 2016, keuntungan sebelum cukai (PBT) mencatat RM31.08 juta manakala keuntungan selepas cukai (PAT) mencatat RM23.68 juta.

"Industri gula global dipengaruhi oleh harga gula mentah yang kian meningkat. Atas faktor ini, kami amat berhati-hati dengan keadaan pasaran semasa. Kini, keutamaan kami adalah untuk menumpu pada pelan pertumbuhan sedia ada dan kekal kukuh untuk mencapai sasaran yang ditetapkan bagi tahun ini," kata Presiden / Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Mohamad Amri Sahari.

Amri Sahari menambah, "Saya yakin dengan rancangan agresif yang disertakan dalam pelan hala tuju strategik kami akan melindungi pendapatan, keuntungan dan nilai sasaran syarikat. Strategi ini telah dilaksanakan melalui pelarasan harga bagi segmen industri, pengukuhan strategik bagi mekanisme pembelian gula mentah dan perlindungan nilai serta inisiatif pengurusan kos, terutamanya dengan pembinaan projek kilang gula di Johor dan kawalan pada kos 'CAPEX'.

Jelasnya, MSM sentiasa berusaha untuk mencapai pertumbuhan kewangan yang menguntungkan seiring

dengan mengekalkan penyata untung rugi yang sihat. Dengan pembinaan kilang gula di Johor berjalan dengan baik dan ditetapkan sebagai pemangkin untuk pertumbuhan eksport, serta peluang sedia ada di negara-negara Asia Tenggara (SEA) yang menawarkan faedah sinergi, MSM berpeluang untuk pertumbuhan keuntungan dalam jangka masa panjang.

Dari aspek daçangan, MSM berharap pasaran semasa bagi gula mentah akan mencerminkan asas fizikal yang lebih besar dari Amerika Tengah, terutamanya dari negara Brazil apabila dikontrakkan keluar.

Kini MSM berusaha untuk memastikan bekalan gula yang stabil dengan bekerjasama bersama pihak berkepentingan serta memantapkan mekanisme strategi pasaran hadapan (hedging) untuk pengurusan stok yang lebih baik. Kini, MSM kekal menguasai majoriti bahagian pasaran gula domestik.

Pada waktu yang sukar ini, MSM yakin untuk mengatasi keadaan cabaran semasa dan bergerak seiring ke arah matlamat menjadi antara 10 pemain utama gula global menjelang 2020. **C**